

**MODENISME DAN FUNDAMENTALISME  
DALAM POLITIK ISLAM :  
SATU KAJIAN PERBANDINGAN KES  
PARTI MASYUMI DI INDONESIA DAN  
JAMA'AT-I-ISLAMI DI PAKISTAN  
(1940 – 1960)**

oleh

**YUSRIL IHZA**

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah

Mac 1993

## UCAPAN TERIMA KASIH

Alhamdulillah, akhirnya tesis yang dikerjakan oleh hambaNYa yang dhaif ini selesai jua dengan segala kekurangan dan kelemahannya. Saya berucap terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dengan perasaan ikhlas, selama saya mengerjakan penyelidikan ini. Terima kasih itu, terutama saya alamatkan kepada tiga orang penyelia tesis ini, iaitu Prof. Madya Dr. Syed Ahmad Hussein, Prof. Madya Dr. Loh Kok Wah dan Dr. Latif Kamaluddin. Ketiga beliau ini, telah demikian banyak meluangkan masa untuk membaca, mengeritik dan membuat saranan sedari awal lagi, sehingga tesis ini siap untuk dipertahankan di hadapan mesyuarat Jemaah Pemeriksaan Tesis.

Beberapa pegawai pentadbiran dan ahli-ahli akademik Universiti Sains Malaysia, terutama Prof. Emiritus Dato Shahnon Ahmad, Prof. Dr. Ishak Tambi Chik, Prof. Dr. Vincent Lowe, Prof. Dr. Johan Saravanamuttu, Dr. Azizan Bahari, Encik Kho Khay Jin dan Encik Mohammad Abdad bin Mohammad Zain telah banyak pula membantu saya, baik secara langsung atau pun tidak langsung.

Tiadalah saya melupakan bahawa kajian ini hanya mungkin boleh dijalankan atas pertolongan dari sebilangan

bekas tokoh-tokoh utama Parti Masyumi yang bahagian terbesarnya kini telah berpulang ke Rahmatullah. Mereka itu ialah Allahyarham Bapak-Bapak Dr. Mohammad Natsir, Jusuf Wibisono, Prof. Dr. Kasman Singodimedjo, Sjafruddin Prawiranegara, Mohamad Roem, Boerhanoeddin Harahap, Zainal Abidin Ahmad, Mohammad Sardjan, Dr. Abu Hanifah, K.H. Abdurrasjid Siddiq dan K.H. Soleh Iskandar. Kepada mereka yang telah berpulang ini, saya berdoa mogamoga Allah menerima segala amal kebajikan yang telah mereka perbuat di atas dunia yang fana ini, dan mengampunkan segala kesilapannya.

Beberapa bekas tokoh Masyumi yang kini masih hidup telah banyak pula membantu, iaitu Prof. Osman Raliby, Prof. Dr. H. Mohammad Rasjidi, Dr. Anwar Harjono, H.M. Yunan Nasution, K.H. Misbach, Dr. Ali Akbar dan K.H. Hasan Basri. Tokoh-tokoh Jama'at-i-Islami yang telah membantu, langsung atau pun tidak, ialah Prof. Khurshid Ahmad, Tufail Muhammad, Syed Asad Gilani, Dr. Abdurrahman Qureishi, Khurram Murad, dan Akhlaq Ahmed. Dua tokoh Muktamar al-Alam al-Islami, banyak pula membantu, iaitu Dr. Inamullah Khan dan Prof. Khalid Ikramullah Khan. Kepada mereka semua, saya ucapkan terima kasih.

Beberapa tokoh di Malaysia dan Indonesia telah banyak pula membantu saya disegi kewangan, nasihat dan dorongan. Antara mereka itu ialah Y.A.B Dato Seri Anwar Ibrahim, Dr. Tan Sri Shamsuddin dan Tan Sri Haji Ramli Musa daripada Sapura Holdings Sdn. Bhd., serta Encik Abu

Ghazali dan Encik Khalid Jaafar. Di Indonesia pula, saya telah banyak dibantu oleh Prof. Dr. Ismail Sunny, Prof. Dr. S. Takdir Alisjahbana, Drs. A. Fuadi, Ir. Wijoga Adiwasito, Ir. Zid Ismail, Fahmi Idris, dan Ir. A.M. Luthfi. Kawan-kawan saya di Universiti Sains Malaysia, iaitu Encik Abdul Hadi WM, Alex Nefi, Mohammad Noer, Elvi Sachlan Ben, Asbollah A. Rahim, Abdul Razak, Amini bin Abdullah, Mohd. Nazmi, Wan Saifuddin dan Wan Nawi Wan Teh, tidak sedikit pula telah menolong saya dalam susah dan senang. Kepada semua mereka ini, saya mengucapkan pula penghargaan dan terima kasih.

Handak pula saya mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada bapa saya yang kini telah tiada, iaitu Allahyarham Idris bin Haji Zainal, dan bonda Nursiha binti Sandon yang telah mendorong saya untuk tiada berhenti belajar menuntut ilmu. Juga kepada isteri saya Kessy, dan dua anak saya, Yuri Kemal Fadlullah dan Kenia Khairunnisa yang telah bersabar dalam susah-payah sejama saya melanjutkan pelajaran di Malaysia. Tanpa dorongan dan kesabaran hati mereka ini, agaknya tiadalah mungkin saya boleh menyelesaikan kajian ini.

Pulau Pinang, Mac 1993

## JADUAL KANDUNGAN

mukasurat

UCAPAN TERIMA KASIH	ii
SENARAI ISTILAH DAN KEPENDEKAN	viii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvii

### Bahagian I RANGKA KAJIAN

Bab 1: PERSOALAN KAJIAN, RANGKA TEORITIKAL DAN KAEDAH KAJIAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Persoalan Kajian	3
1.3 Pentingnya Kajian dan Matlamatnya	9
1.4 Tinjauan Kepustakaan	12
1.4.1 Definisi-Definisi	12
1.4.2 Asal Usul Aliran	23
1.5 Rangka Teoritikal Kajian	33
1.5.1 Modenisme dan Fundamentalisme	33
1.5.2 Pengaruh Kepada Organisasi	43
1.5.3 Pengaruh Kepada Program	51
1.6 Kaedah Kajian	63
1.6.1 Pilihan Kes Kajian	63
1.6.2 Kaedah Pungutan Data	71
1.6.3 Kaedah Analisis	72
1.7 Susunan Bab-Bab Kajian	76
Nota Kaki	78

### Bahagian II PENGARUH MODENISME DAN FUNDAMENTALISME KEPADА ORGANISASI PARTI MODENIS DAN FUNDAMENTALIS

Bab 2: MOTIF PENUBUHAN DAN MATLAMAT PARTI	84
2.1 Motif Penubuhan Parti Modenis	84
2.2 Matlamat Parti Modenis	94
2.3 Motif Penubuhan Parti Fundamentalis	110
2.4 Matlamat Penubuhan Parti Fundamentalis	123
2.5 Rumusan	145
Nota Kaki	152
Bab 3: STRUKTUR ORGANISASI DAN KEPIMPINAN PARTI	165
3.1 Struktur Organisasi Parti Modenis	165
3.1.1 Perilaku Politik Dalaman	172
3.2 Kepimpinan Parti Modenis	191
3.3 Struktur Organisasi Parti Fundamentalis	204

3.3.1 Perilaku Politik Dalaman	210
3.4 Kepimpinan Parti Fundamentalis	224
3.5 Rumusan	229
Nota Kaki	233
 Bab 4: KEANGGOTAAN DAN PENYOKONG PARTI	243
4.1 Keanggotaan dan Penyokong Parti Modenis	243
4.2 Keanggotaan dan Penyokong Parti fundamentalis	257
4.3 Rumusan	267
Nota Kaki	270
 <b>Bahagian III</b>	
<b>PENGARUH MODENISME DAN FUNDAMENTALISME</b>	
<b>KEPADА PROGRAM-PROGRAM</b>	
<b>PARTI MODENIS DAN FUNDAMENTALIS</b>	
 Bab 5: PROGRAM POLITIK	277
5.1 Program Politik Parti Modenis	277
5.1.1 Asas Negara	278
5.1.2 Demokrasi	298
5.1.3 Struktur Kerajaan	305
5.1.4 Undang-Undang	316
5.2 Program Politik Parti Fundamentalis	320
5.2.1 Asas Negara	321
5.2.2 Demokrasi	326
5.2.3 Struktur Kerajaan	333
5.2.4 Undang-Undang	343
5.3 Rumusan Bab	345
Nota Kaki	349
 Bab 6: PROGRAM SOSIAL DAN EKONOMI	359
6.1 Program Sosial Parti Modenis	359
6.1.1 Pendidikan	359
6.1.1 Kebudayaan	364
6.1.3 Status Kaum Wanita	365
6.2 Program Sosial Parti Fundamentalis	368
6.2.1 Pendidikan	371
6.2.2 Kebudayaan	373
6.2.3 Status Kaum Wanita	375
6.3 Rumusan Program Sosial	373
6.4 Program Ekonomi Parti Modenis	380
6.4.1 Sistem Ekonomi	380
6.4.2 Strategi Pembangunan Ekonomi	386
6.5 Program Ekonomi Parti Fundamentalis	391
6.5.1 Sistem Ekonomi	392
6.5.2 Strategi Pembangunan Ekonomi	396
6.6 Rumusan Program Ekonomi	401
Nota Kaki	406

**Bahagian IV  
KESIMPULAN**

<b>Bab 7: RUMUSAN AKHIR KAJIAN</b>	<b>410</b>
7.1 Rumusan Modernisme dan Fundamentalisme	411
7.2 Kecenderungan Tipologi Organisasi	413
7.3 Kecenderungan Tipologi Program	416
7.4 Cadangan Kajian Akan Datang	424
<b>SENARAI RUJUKAN</b>	<b>428</b>

## SENARAI ISTILAH DAN KEPENDEKAN

**ahl al-bait:** ahli keluarga Nabi Muhammad, khasnya zuriat daripada Saidina Ali bin Abi Talib dengan Siti Fatimah binti Muhammad.

**ahl al-hall wa al'aqd:** kumpulan sahabat-sahabat utama Nabi Muhammad yang sentiasa beliau ajak bermusyawarah dalam mengambil keputusan berhubung dengan kepentingan umum; semacam parlimen di dalam konsepsi hukum fiqah abad pertengahan.

**ahl al-sunnah wa al-jama'ah:** mazhab yang mengikuti tradisi Nabi Muhammad dan merupakan bilangan majoriti.

**ahl al-zimmi:** rakyat bukan Muslim di satu negara Islam, mengikut konsepsi hukum fiqah.

**al-hadith:** ucapan, perbuatan dan sikap diam Nabi terhadap perilaku orang lain sebagaimana diberitakan oleh riwayat.

**al-muslim al-mugharrab:** orang-orang Muslim yang terbaratkan.

**al-nizam al-Islami:** susunan sosial yang Islamik.

**al-nizam al-Jahili:** susunan sosial yang bercorak Jahiliyah.

**al-sunnah:** tradisi Nabi, yang merangkumi perkataan, perbuatan dan sikap diam beliau dalam menghadapi sesuatu perkara.

**amir:** ketua; sebutan bagi Yang Dipertua Jama'at-i-Islami; salah satu sebutan bagi Ketua Negara Islam.

**anggaran dasar:** perlembagaan parti [Masyumi].

**anggaran rumah tangga:** undang-undang kecil bagi memerincikan kandungan perlembagaan parti.

**asabiyah:** rasa perkauman; chauvinisme; asabiyah-jahiliyah; rasa perkauman sempit yang bercorak Jahiliyah.

**baath al-Islami:** kebangunan semula Islam.

**bai'at:** sumpah setia kepada seorang khalifah atau pemimpin.

**batil:** perbuatan salah; sesat.

bidaah: amalan-amalan di bidang peribadatan yang dikerjakan tanpa sebarang rujukan kepada al-Qur'an dan Sunnah Nabi.

big families: keluarga kaya yang menguasai perniagaan dan industri di Pakistan.

BPUPKI: Badan Penyelidik Usaha-Usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia.

dastur: perlembagaan [Jama'at-i-Islami].

doktrin: ajaran agama, teks-teks keagamaan.

doktriner: berpegang teguh kepada teks-teks keagamaan dengan corak penafsiran yang rigit dan literalis.

elan vital: semangat yang mendorong lahirnya perubahan pada sesuatu zaman yang tertentu.

elektif afiniti [elective affinity]: pilihan sesuai antara jenis unggul yang tertentu dengan gagasan dan perilaku aktor- aktor sosial yang menjalankannya. Konsep ini digunakan dalam kaedah verstehen yang diperkenalkan oleh pakar sosiologi Jerman, Max Weber.

fardhu 'ain kewajipan orang-perseorangan.

fatwa: pandangan hukum [dalam fiqah] yang dikemukakan oleh seorang mufti atau ulama fiqah.

fiqah: rumusan hukum yang bercorak sistematik yang memerinci peraturan-peraturan syari'ah.

fuqaha: ahli fiqah.

furu'iyyah: perkara-perkara kecil yang menjadi bahan pertikaian pendapat para ahli fiqah.

ghazwul fikri: fahaman-fahaman luar yang memesangkan pikiran kaum Muslimin dari ajaran Islam yang benar.

GPII: Gerakan Pemuda Islam Indonesia.

halal: sesuatu yang dibenarkan di segi hukum Islam.

haram: perkara-perkara yang dilarang mengikut hukum Islam.

haqq: benar.

hikmah: kebijaksanaan; perkara-perkara yang baik dan berguna.

**hizbulah:** tentera Allah; pasukan ketenteraan Masyumi.

**HMI:** Himpunan Mahasiswa Islam.

**hudud:** batas-batas; peraturan-jenayah di dalam syari'ah yang menyebutkan jenis perbuatannya dan isbatnya.

**hukumat-i-Ilahiyat:** kedaulatan Tuhan [Urdu].

**ijtihad:** berdaya-upaya; penggunaan akal fikiran dalam menyelesaikan masalah-masalah dengan berpandu kepada doktrin.

**islah:** kumpulan yang berada di tengah.

**jahiliyah:** kebodohan; zaman sebelum kedatangan Islam di negeri Arab.

**jihad:** berusaha sedaya upaya dalam mencapai sesuatu;  
**Jihad fi Sabilillah:** perang di jalan Allah. **Jihad fil Islam:** berjuang di dalam Islam.

**kafir:** orang yang tidak beriman kepada agama Islam.

**kanun:** kitab undang-undang.

**khairu ummah:** umat yang paling baik.

**khalifah:** pengganti; pemegang mandat; sebutan bagi ketua negara Islam.

**kharaj:** cukai tanah mengikut hukum fiqah.

**khurafat:** kepercayaan-kepercayaan yang bersifat takhayul.

**khulafa al-rasyidin:** khalifah yang mendapat bimbingan Tuhan; sebutan kepada empat orang khalifah selepas Nabi Muhammad, iaitu Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali.

**KNIP:** Komite Nasional Indonesia Pusat.

**ko-edukasi:** sistem pendidikan yang mencampurkan murid lelaki dan murid perempuan.

**konvensi:** kebiasaan yang berlaku.

**kufur:** fahaman sesat.

**land reform:** reformasi tanah.

**literalis:** harfiah, pamahaman mengikut apa yang tersurat di dalam teks.

**masalah al-mursalah:** asas kepentingan umum mengikut konsepsi hukum fiqah.

**mu'amalah:** amalan-amalan yang bersifat kemasyarakatan dan keduniaan.

**mufti:** orang yang mengeluarkan fatwa.

**muhrim:** saudara sedarah dari seorang lelaki dan perempuan yang menyebabkan mereka diharamkan untuk berkahwin.

**mujtahid:** orang yang berhak melakukan ijtihad; **mujtahid fil mazhab:** orang yang berijtihad mengenai sebahagian perkara-perkara fiqah, namun masih dalam batas-batas satu mazhab fiqah tertentu.

**mutaasibin:** puak taasub.

**mutaffaq 'alaiah:** sepakat semuanya, kesepakatan majoriti alim ulama mengenai sesuatu perkara yang berhubung dengan rumusan-rumusan hukum fiqah.

**mutatarrifin:** puak pelampau.

**neo-fenomenologi:** metode dalam kajian sains sosial yang menganalisis fenomena sosial berdasarkan kerangka konstruksi sosial yang dibentuk oleh masyarakat yang dikaji.

**neo-Kantian:** aliran falsafah yang menisbatkan diri kepada Immanuel Kant, dan menafsirkan gagasan-gagasannya secara baru. Aliran ini pada intinya menekankan peranan penting dari "idea" dalam menentukan perjalanan masyarakat dan sejarah.

**nisab:** bilangan tertentu dari harta-kekayaan yang telah wajib atasnya dikeluarkan zakat.

**PAS:** Parti Islam Se-Malaysia.

**PKI:** Parti Komunis Indonesia.

**PNI:** Parti Nasional Indonesia.

**PPKI:** Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia.

**preseden:** keputusan yang dibuat di masa lampau, mengikat bagi perkara-perkara serupa di masa datang.

**PRRI:** Pemerintah Revolusioner Republik Indonesia.

**PSII:** Parti Syarikat Islam Indonesia.

**qadiani:** fahaman keagamaan yang diajarkan oleh Mirza Ghulam Ahmad dari aliran Qadian [Anjuman Ahmadiyah Qadian].

**rechtsstaat:** negara berdasarkan undang-undang.

**sahwah al-Islamiyah:** kebangunan Islam.

**salaf:** kaum pembaharu Islam yang tetap berpegang teguh kepada al-Qur'an dan al-Hadith.

**sekularisme:** fahaman yang memisahkan urusan keagamaan dengan urusan keduniaan; Nasionalis Sekular; golongan penganut fahaman kebangsaan yang mahukan agama diasingkan dari kehidupan negara.

**staatsnoodrechts:** undang-undang darurat negara.

**syari'ah,** peraturan-peraturan hukum di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.

**syi'ah:** kumpulan penyokong Ali bin Abu Talib; mazhab yang sebaliknya dari ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

**syirik:** menyekutukan Tuhan.

**taasub:** fanatik.

**tabi'in:** generasi selepas zaman sahabat Nabi.

**tabi'it-tabi'in:** generasi selepas tabi'in.

**taghut:** berhala; tirani; sesuatu yang disembah oleh manusia selain daripada Allah Ta'ala.

**tajdid:** pembaharuan.

**taqlid:** mengikuti sesuatu ajaran tanpa sebarang kefahaman.

**taubat:** menyesali perbuatan salah dan memohonkan ampun kepada Tuhan.

**tauhid:** fahaman keesaan Tuhan di dalam Islam.

**teokrasi:** kerajaan yang dijalankan oleh seseorang atau sekumpulan orang yang atas nama Tuhan.

**tradisionalisme:** fahaman yang mempertahankan pandangan-pandangan kegamaan yang diwariskan oleh tradisi Islam zaman abad pertengahan.

**ummatan wasatan:** umat pertengahan.

**verstehen:** pemahaman dari segi dalaman, iaitu penggunaan analisis objektif [dari pengkaji] ke atas makna subjektif [dari aktor sosial yang melakukannya].

**wahabi:** fahaman pembaharuan keagamaan Islam yang dibawa oleh Muhammad bin Abdul Wahab di tanah Hejaz.

**Weltanschauung:** pandangan dunia; pandangan hidup.

**Wertrationalitat:** motif tindakan yang berorientasi kepada rasionaliti nilai-nilai absolut yang dipercayai sebagai kebenaran muktamad.

**zakat:** sedekah yang diwajibkan oleh syari'ah ke atas harta-benda yang dimiliki oleh orang-perseorangan yang telah mencapai nisab, dengan bilangan peratusan yang tertentu, amnya dua-setengah peratus.

**zalim:** kuasa sewenang-wenang; kuasa yang menindas rakyat.

**zamindar:** keluarga tuan tanah di India dan Pakistan.

**Zweckrationalitat:** motif tindakan yang diasaskan kepada perhitungan rasional mengenai alat-alat dan cara-cara untuk mencapai satu tujuan.\*\*\*

## ABSTRAK

Tesis ini adalah satu kajian perbandingan untuk menganalisis perbezaan dua aliran utama dalam politik Islam kontemporer, iaitu modenisme dan fundamentalisme. Analisis dimulakan dengan terlebih dahulu merumuskan ciri-ciri asas kedua aliran itu. Kemudian, dengan menggunakan kaedah "verstehen", kajian ini berusaha untuk menunjukkan adanya "elektif afiniti" antara ciri-ciri asas aliran ideologi itu dengan organisasi, program dan perilaku politik tokoh-tokoh parti Islam yang menganuti aliran-aliran politik itu.

Di antara pelbagai pertimbangan pilihan kes kajian, tesis ini secara "proposif" memilih parti "modenis" Masyumi di Indonesia, dan parti "fundamentalis" Jama'at-i-Islami di Pakistan sebagai objek analisis. Bagi membatasi skop kajian, analisis ditumpukan kepada dua dekad, yaitu antara tahun 1940-1960. Tempoh ini sengaja dipilih, memandangkan bahawa dalam dua dekad ini perdebatan kaum modenis dan fundamentalis nampak lebih menonjol berbanding dengan tempoh-tempoh yang lain di abad ini. Munculnya perdebatan itu erat hubungannya dengan berakhirnya era kolonialisme, dan bangsa-bangsa penganut agama Islam mulai disibukkan dengan usaha pembentukan negara baru yang merdeka. Dalam proses ini,

ideologisasi Islam muncul ke dalam bentuk pelbagai aliran politik dengan kecenderungan yang berlainan.

Ada tiga matlamat utama yang hendak dicapai oleh kajian ini. Pertama, ia mencuba satu pendekatan baru dalam memahami modenisme dan fundamentalisme dengan meletakkannya sebagai dua aliran politik. Pendekatan demikian, secara khusus belum lagi dicuba oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya. Kedua, ia berusaha untuk memperjelas pengertian, dengan cara memperketatkan ciri-ciri asas modenisme dan fundamentalisme, bagi membolehkannya digunakan sebagai "kategori analisis" dalam satu kajian perbandingan. Ketiga, tesis ini berusaha untuk merumuskan garis-garis panduan umum yang boleh membantu untuk mencirikan parti-parti Islam yang tergolong modernis dan fundamentalis, terutama organisasinya, programnya, dan kecenderungan-kecenderungan am perilaku politik tokoh-tokohnya.

Keputusan kajian ini menunjukkan, meski pun modenisme dan fundamentalisme adalah dua aliran ideologi yang bersumber kepada satu doktrin agama yang sama, keduanya mempunyai ciri-ciri yang berbeza. Perbezaan itu bermula dari berbezanya kecenderungan mereka dalam menafsirkan khazanah doktrin, terutama berhubung dengan ijtihad, kedudukan tradisi awal Islam, ijmak, kemajmukan masyarakat dan kedudukan hikmah. Kaum modenis cenderung menafsirkan hal-hal ini secara elastis dan fleksibel, manakala kaum fundamentalis cenderung menafsirkannya

secara rigit dan literalis.

Keputusan selanjutnya dalam kajian ini menunjukkan juga bahawa memanglah wujud "elektif afiniti" antara ciri-ciri asas kedua aliran politik itu, dengan struktur organisasi, pola kepimpinan, program dan kecenderungan perilaku politik tokoh-tokohnya. Akhirnya, "elektif afiniti" sebagai satu konsep pemahaman, berguna juga untuk menganalisis ciri-ciri am dua kategori parti Islam, yaitu parti Islam modenis dan parti Islam fundamentalis.\*\*\*

## ABSTRACT

# MODERNISM AND FUNDAMENTALISM IN ISLAMIC POLITICS: A COMPARATIVE CASE STUDY OF THE MASYUMI PARTY IN INDONESIA AND THE JAMA'AT-I-ISLAMI IN PAKISTAN (1940-1960)

The thesis is a comparative study of two mainstream in contemporary Islamic politics, the so called "modernism" and "fundamentalism". By using "verstehen" method, the thesis tries to analyse the "elective affinity" between the characteristics of the two mainstreams with the structure of organization, leadership, program and political behaviour of these two Islamic political parties. The "modernist" Masyumi Islamic Party in Indonesia and the "fundamentalist" Jama'at-i-Islami Party in Pakistan are the objects of analyses. The period covered by the study is between 1940-1960.

The study has three main objectives. First, it attempts a new approach to understanding modernism and fundamentalism as mainstreams in contemporary Islamic politics, which has not been specifically undertaken by earlier researchers. Second, the thesis tries to clarify the characteristics of modernism and fundamentalism as "analytical categories" in comparative politics. Third,

it attempts to formulate a general guideline of categorizing modernist and fundamentalist Islamic political parties, especially in relation to their organizations, programs and political attitudes of the leaders.

The thesis found that although modernism and fundamentalism are based on the same religious doctrine, they have their own characteristics. They differ in their views toward the interpretation of the doctrine, especially with regards to *ijtihad*, the position of early Islamic tradition, the *ijmak*, pluralistic society and the position of *hikmah*.

The thesis also found that there is "elective affinity" between characteristics of modernism and fundamentalism with the structure of organization, leadership, programs and political behaviour of the Islamic political parties. "Elective affinity" as concept is useful in analyzing differences between modernist and fundamentalist Islamic political parties.\*\*\*

Bahagian I  
RANGKA KAJIAN

## Bab 1

### PERSOALAN KAJIAN, RANGKA TEORITIKAL DAN KAEDAH KAJIAN

#### 1.1 Pendahuluan

Modenisme dan fundamentalisme adalah dua fenomena sejagat yang boleh dijumpai di dalam pelbagai masyarakat penganut "agama-agama dunia", seperti Yahudi, Hindu, Kristian dan Islam. Dalam hubungannya dengan agama yang disebutkan paling akhir ini, kedua fenomena itu telah banyak dibincangkan oleh media massa, orang awam dan juga ahli-ahli akademik. Kumpulan yang akhir ini pada amnya memandang perkara itu sebagai satu fenomena keagamaan, sosial, kebudayaan, dan juga fenomena politik. Pelbagai cara penganalisaan telah pula dilakukan bagi memahaminya. Antaranya, menghubungkan modenisme dan fundamentalisme dengan pemikiran keagamaan tokoh-tokoh tertentu, gagasan-gagasan sosial dari pelbagai gerakan sosial-keagamaan, atau juga perilaku politik dari kumpulan-kumpulan politik tertentu yang wujud dalam masyarakat-masyarakat Muslim.

Pengkaji ini -- dengan segala kedhaifan yang ada padanya -- ingin juga ikut ambil bahagian dalam perbincangan akademik mengenai modenisme dan fundamentalisme Islam, khusus yang berhubung dengan mazhab

Sunni. Fenomena serupa di dalam mazhab Syi'ah -- memandangkan keterbatasan kajian ini -- adalah di luar daripada skop tesis ini. Perspektif yang digunakan dalam kajian ini ialah perspektif sains politik. Prespektif demikian memungkinkan pengkaji menganalisis modenisme dan fundamentalisme sebagai dua "aliran politik" atau dua "ideologi politik" dan menghubungkannya kepada parti-parti Islam, yang oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya, telah dikategorikan sebagai parti beraliran "modenis" dan "fundamentalis". Bagi pengkaji, pendekatan demikian adalah menarik untuk cuba dilakukan. Pengkaji ini merasa bahawa dia cenderung kepada paradigma Neo Kantian, yang melihat "idea" sebagai faktor yang mempengaruhi perilaku atau tindakan-tindakan sedar manusia di dalam situasinya yang konkrit. Dilihat dari paradigma ini, fenomena konkrit yang berhubung dengan parti politik, boleh pula dianggap sebagai hasil dari pengaruh atau manifestasi dari "idea-idea" tertentu yang berada di balik fenomena itu.

Idea-idea yang mempengaruhi satu parti politik mungkin sahaja bersifat keagamaan, tetapi mungkin juga bersifat sekular sama sekali. Modenisme dan fundamentalisme, yang pengaruhnya ingin ditela'ah oleh kajian ini, sepertimana yang telah ditunjukkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, adalah idea yang berhubung rapat dengan agama. Oleh itu, sebelum menganalisis pengaruhnya kepada parti-parti, pengertian dan ciri-ciri asas kedua aliran itu lebih dahulu harus diperjelas dan diperketatkan dengan menghubungkannya kepada agama. Cara yang pengkaji pilih

ialah, merumuskan secara kontras pandangan-pandangan asas mereka terhadap doktrin, sehingga nampak perbezaan yang mencirikan kedua aliran itu. Cara ini dipilih berdasarkan anggapan bahawa asal-usul perbezaan kedua aliran itu bermula dari perbezaan kecenderungan dalam menafsirkan doktrin dari satu agama yang sama. Rumusan yang telah diperjelas dan diperketatkan itu, seterusnya akan digunakan sebagai kategori analisis di dalam kajian ini yang mengambil bentuk kajian perbandingan.

## 1.2 Persoalan Kajian

Berasaskan kepada perspektif-perspektif yang telah dikemukakan di atas, perbincangan kajian ini akan bermula dengan memajukan dua soalan utama, iaitu:

- i. Apakah pandangan-pandangan asas "modenisme" dan "fundamentalisme" berhubung dengan doktrin Islam?;
- ii. Bagaimanakah pandangan-pandangan asas kedua aliran itu mempengaruhi organisasi, program dan perilaku politik parti modenis dan parti fundamentalis ?.

Selepas memajukan persoalan utama kajian, perbincangan di dalam bab ini selanjutnya akan tertumpu kepada pentingnya kajian dan matlamatnya, tinjauan kepustakaan kajian-kajian terdahulu, rangka teoritikal dan kaedah kajian. Tetapi sebelum membincangkan perkara-perkara itu, adalah perlu untuk lebih awal mengetengahkan

beberapa catatan berhubung dengan penggunaan istilah "modenisme" dan "fundamentalisme" di dalam kajian ini. Ini perlu dilakukan, kerana kedua istilah itu mengandungi beberapa "masalah", baik ditinjau dari segi asal-usul penggunaan istilah itu, mahu pun kontroversi penggunaannya di masa kini.

**Asal-Usul Istilah.** "Modenisme" dan "fundamentalisme" bukanlah istilah yang berasal dari perbendaharaan kata dalam bahasa masyarakat-masyarakat Muslim. Kedua istilah itu dimunculkan oleh ahli-ahli akademik Barat dalam konteks sejarah keagamaan dalam masyarakat mereka sendiri. Modenisme, pada asalnya diertikan sebagai aliran keagamaan yang mahukan penafsiran semula doktrin-doktrin agama Kristian bagi menyesuaikannya dengan perkembangan pemikiran di zaman moden.<sup>1</sup> Fundamentalisme pula diertikan sebagai reaksi kepada modenisme. Fundamentalisme dianggap sebagai aliran yang mahukan memegang teguh "fundamen" agama Kristian dengan cara menafsirkan kitab suci agama itu secara rigit dan literalis.<sup>2</sup>

Istilah "modenisme" dan "fundamentalisme" kemudiannya digunakan oleh sarjana-sarjana Orientalis dan ilmuwan sains sosial dan kemanusiaan Barat untuk membezakan dua kecenderungan pemikiran yang mirip dengan apa yang didapati dalam agama Kristian itu di dalam agama lain. Ini termasuklah dalam kajian mereka ke atas pemikiran keagamaan di dalam masyarakat-masyarakat Muslim. Meski

pun demikian, dalam perkembangan sains sosial dan kemanusiaan masa kini, baik ilmuwan Barat mahu pun ilmuwan Muslim tidak bersefaham menggunakan istilah yang sama untuk mengkategorikan kedua-dua aliran itu. Istilah "modenisme" sering juga ditukarkan dengan istilah-istilah "reformisme", "reawakening", "renaissance" dan "renewal". Sedangkan istilah "fundamentalisme" sering pula ditukarkan dengan istilah-istilah "revivalisme", "militancy", "reassertion", "resurgence", "activism", dan "reconstructionism".<sup>3</sup> Sebagaimana lazimnya terjadi di dalam perbincangan teoritikal, para pengkaji bukan sahaja saling berbeza dalam menggunakan istilah, tetapi istilah yang sama juga, sering pula dita'rifkan secara berlain-lainan.

**Kontroversi Penggunaan Istilah.** "Modenisme" dan "fundamentalisme" adalah istilah yang seringnya digunakan secara tidak berkecuali dan berat sebelah. Perihal seumpama itu sememangnya dijangkakan akan berlaku, apabila pihak yang menggunakannya berada dalam satu posisi yang berhadapan dengan pihak lainnya. Penulis-penulis yang biasa digolongkan sebagai "fundamentalis" seperti Maryam Jameelah dan Abd al-Qadir al-Sufi misalnya, menggunakan istilah "modenisme" dengan maksud untuk "merendahkan" aliran itu. Keduanya mengatakan bahawa "kaum modenis" adalah kumpulan orang-orang yang mahu "membaratkan" dan "menyekularkan" Islam. Kedua penulis itu juga mendakwa tokoh-tokoh modenisme seperti Sayyid Jamal al-Din Afghani, Syaikh Muhammad Abduh dan



Sayyid Ahmad Khan sebagai "agen imperialis Barat".<sup>4</sup> Al-Sufi secara khusus mendakwa pelopor-pelopor modenisme itu adalah "agen Free Masonry". Mereka ini, mengikut beliau, sengaja diperalatkan oleh organisasi rahsia kaum Yahudi itu untuk "merosakkan Islam" dan memperlemahkan kaum Muslimin dari segi dalaman.<sup>5</sup>

Tokoh-tokoh yang lazim digolongkan "modenis" dan "neo modernis" pula menggunakan istilah "fundamentalisme" dengan nada juga mengandungi sinisme. Fazlur Rahman misalnya, menyebut kaum fundamentalis sebagai "orang-orang yang dangkal dan superfisial", "anti intelektual" dan pemikirannya "tidak bersumberkan kepada al-Qur'an dan budaya intelektual tradisional Islam". Nurcholish Madjid, seorang tokoh "neo modernis" yang lain, menggunakan istilah "fundamentalisme" -- dalam konteks agama Kristian di Amerika Syarikat -- sebagai agama pengganti "yang lebih rendah" berbanding dengan agama-agama yang sedia ada. Fundamentalisme muncul selepas "agama-agama yang diorganisasi" ["organized religions"] gagal memberikan jawapan yang sesuai kepada cabaran dunia moden. Fundamentalisme, bagi Nurcholish, di samping menyebarkan fahaman keagamaan yang telah "standard" [baku] di dalam satu agama tertentu, ia juga menyebarkan fahaman-fahaman yang "palsu dan bersifat menipu". Di masa kini, mengikut Nurcholish, fundamentalisme telah menjadi "sumber kekacauan dan penyakit mental" yang baru di dalam masyarakat. Akibat-akibat yang ditimbulkannya, jauh lebih buruk berbanding dengan masalah-masalah sosial yang

sedia ada seperti penagihan arak dan penyalah-gunaan dadah.<sup>6</sup>

Corak tidak berkecuali dan berat sebelah dalam menggunakan kedua istilah itu nampak juga dalam pemberitaan media massa. Baik agensi berita Barat, mahupun media massa di negara-negara Muslim tertentu, telah lazim menggunakan istilah "modenisme" dalam makna yang "positif". Modenisme dianggap positif kerana ia merupakan usaha untuk mengadaptasikan Islam dengan nilai-nilai "moden" dan "up to date". Sebaliknya, istilah "fundamentalisme" digunakan secara negatif bagi memanggil gerakan-gerakan Islam seperti di Libya, Algeria, Lubnan, dan Iran.

Akibat istilah yang digunakan oleh media massa, secara awam pengertian "kaum fundamentalis Muslim" di masa kini cenderung mengandungi makna sebagai kumpulan-kumpulan keagamaan yang dilabelkan berjuang mencapai matlamatnya dengan menganjurkan usaha-usaha keganasan. "Fundamentalisme Islam" bagi media-massa Barat tidak lain bermakna "Islam yang kejam", "Islam yang melampau" dan sejenisnya. Lebih jauh lagi, istilah "fundamentalisme Islam" sering pula dimanipulasikan untuk memulaukan gerakan-gerakan Islam yang secara sedar berjuang untuk menentang dominasi politik dan kultural Barat di negeri mereka masing-masing. Oleh itu, tidaklah menghairankan jika sebahagian sarjana-sarjana Muslim bersikap enggan menggunakan istilah "fundamentalisme", kerana istilah itu

dinilai telah kehilangan sifat berkecualinya.<sup>7</sup>

Selain daripada dua masalah yang telah diperkatakan di atas, pengkaji ini dihadapkan pula kepada kesukaran untuk menemukan istilah lain yang sesuai bagi menukar istilah "modenisme" dan "fundamentalisme" ke dalam bahasa Melayu atau pun bahasa-bahasa lain yang digunakan oleh masyarakat-masyarakat Muslim. Kaum "modenis" yang berbahasa Arab dan Urdu menggunakan istilah "tajdid", "islah" atau "salaf" bagi menyebut diri mereka sendiri. Tetapi kumpulan-kumpulan yang kurang bersimpati dengan mereka memanggilnya "al-muslim al-mugharrab" [Muslim yang terbaratkan] atau juga kumpulan "ghazwul fikri" [fikiran yang terpesong]. Kaum "modenis" di Indonesia dan Malaysia pada amnya menggunakan dua istilah, iaitu "kaum muda" dan "kaum pembaharu". Tetapi kedua istilah ini digunakan dalam konteks reaksi kepada fahaman "kaum tua" atau "kaum kolot", iaitu fahaman kaum "tradisionalis".<sup>8</sup>

Kaum fundamentalis yang berbahasa Arab pula menggunakan beberapa istilah bagi menyebut diri mereka sendiri. Antaranya ialah istilah "usuliyah al-Islamiyah" [asas-asas Islam], "sahwah al-Islamiyah" [kebangunan Islam] atau juga "baath al-Islami" [kebangkitan Islam]. Tetapi, kumpulan-kumpulan yang kurang bersimpati kepada mereka menyebutnya dengan istilah "mutaassibin" [puak taasub] atau pun "mutatarrifin" [puak radikal].<sup>9</sup> Kerajaan Indonesia secara khas menggunakan istilah "ekstrim kanan" bagi menyebut kaum fundamentalis. Kumpulan ini

didakwa mahu menukar "negara Pancasila" dengan "negara Islam". Di Malaysia pula, istilah "puak pelampau" atau "puak pengganas" telah lazim digunakan oleh media massa untuk menganti istilah kaum fundamentalis.

Betapa pun pengkaji ini sedar bahawa istilah modenisme dan fundamentalisme mengandungi beberapa masalah dan bahkan kontroversial, namun memandangkan sukarnya menemukan istilah lain yang sesuai bagi menerjemahkannya, istilah-istilah itu terus digunakan di dalam kajian ini. Seboleh-bolehnya kedua istilah itu akan digunakan secara "berkecuali" dengan mengambilkira perkara-perkara yang telah dibincangkan di atas. Pengkaji ini sedar bahawa pemilihan istilah teknikal dalam satu kajian ilmiah sememangnya akan dihadapkan kepada risiko-risiko tertentu yang tidak seluruhnya boleh dielakkan. Penggunaan modenisme dan fundamentalisme sebagai istilah teknikal di dalam kajian ini akan diperinci secara lebih jelas di dalam perbincangan mengenai rangka teoritikal nanti. Sementara ini, kita beralih untuk membentangkan hujah-hujah mengenai pentingnya kajian ini, serta matlamat yang hendak dicapai bagi disumbangkan kepada dunia akademik.

### 1.3 Pentingnya Kajian dan Matlamatnya

Seperti telah dikatakan di dalam pendahuluan, modenisme dan fundamentalisme adalah dua aliran politik sebenar yang wujud dalam politik masyarakat-masyarakat

Muslim. Betapa pun telah banyak usaha yang dijalankan bagi memahami kedua fenomena itu, kajian sekarang ini akan memahaminya dengan menggunakan perspektif dan pendekatan baru yang secara khusus nampaknya belum pernah dicuba di dalam kajian-kajian sebelumnya. Seperti telah dikatakan, perspektif yang digunakan oleh kajian ialah melihat modenisme dan fundamentalisme sebagai dua "aliran politik". Caranya ialah, lebih dahulu memperketatkan ciri-ciri asas kedua aliran itu dengan menghubungkannya kepada corak penafsiran mereka ke atas doktrin Islam. Selepas itu, analisis berikutnya ditumpukan kepada pengaruhnya ke atas perkara-perkara yang berhubung dengan parti politik, iaitu organisasi parti, program parti dan perilaku aktor-aktor politiknya. Perspektif dan pendekatan seperti ini, diharapkan boleh membuka cakrawala baru bagi memahami kecenderungan-kecenderungan ideologikal dan perilaku politik di dalam politik masyarakat-masyarakat Muslim. Kalauolah ia dianggap berjaya, perspektif dan pendekatan demikian boleh pula dianggap sebagai salah satu sumbangan kajian ini kepada pendekatan, khasnya kepada pendekatan dalam kajian perbandingan politik masyarakat-masyarakat Muslim.

Selain daripada perspektif dan pendekatan seperti diperkatakan di atas, ada dua lagi matlamat yang ingin dicapai oleh kajian ini. Pertama, ialah memperketatkan ciri-ciri modenisme dan fundamentalisme bagi mengelakkan salah pengertian dalam penggunaannya sebagai istilah teknikal dalam satu kajian ilmiah. Rumusan-rumusan yang

memperketatkan ciri-ciri kedua aliran itu, diharap bukan sahaja berguna bagi kajian ini, tetapi juga diharap boleh berguna bagi kajian-kajian akan datang yang berhubung dengan tema yang sama. Rumusan demikian diharap juga akan menjadi salah satu sumbangan kajian ini kepada dunia akademik, khasnya dalam kajian perbandingan politik masyarakat-masyarakat Muslim.

Kedua, kajian ini ingin menunjukkan adanya pengaruh, iaitu adanya "elektif afiniti", atau "pilihan yang sesuai" antara pandangan-pandangan asas modenisme dan fundamentalisme dengan organisasi dan program part-parti modenis dan fundamentalis, serta "konsistensi psikologis" antara pandangan-pandangan asas itu dengan perilaku aktor-aktor politiknya. Jeneralisasi empirikal ke atas "elektif afiniti" antara pandangan-pandangan asas modenisme dengan organisasi parti, program parti dan perilaku politik aktor-aktor itu, boleh membantu merumuskan garis-garis panduan mengenai kecenderungan tipologis parti-parti modenis dan fundamentalis; kecenderungan program-programnya; dan kecenderungan pendirian dan tindakan politik tokoh-tokohnya dalam suasana konkret persekitaran politiknya.

Jeneralisasi empirikal dari kedua matlamat di atas, diharap boleh memberi sumbangan teoritikal -- walau pun hanya dalam bentuk "low level probability theory" ["teori kebarangkalian yang berperingkat rendah"] -- mengenai modenisme dan fundamentalisme Islam.<sup>10</sup> Pengkaji ini sedar

bahawa kajian ini hanya akan mencapai bentuk teoritikal dalam peringkat demikian, kerana modenisme dan fundamentalisme adalah dua fenomena yang terus berkembang dan berubah. Apa yang dikaji secara empirik dalam kajian ini, hanyalah terbatas kepada tempoh tertentu dan kes tertentu sahaja. Itu pun masih lagi terbatas kepada data yang berjaya dikumpulkan selama pengkaji ini menjalankan kajian lapangan di Indonesia, India dan Pakistan. Dengan demikian, barangkali masih ada data lain yang relevan, tetapi tidak berhasil diperolehi selama kajian lapangan dijalankan.

#### 1.4 Tinjauan Kepustakaan

Selepas membentangkan hujah mengenai pentingnya kajian ini dan matlamatnya, kita beralih untuk meninjau kepustakaan kajian-kajian terdahulu mengenai topik kajian. Tinjauan ini akan ditumpukan kepada pengertian-pengertian, ciri-ciri, serta asal-usul modenisme dan fundamentalisme Islam. Tinjauan demikian, walaupun ringkas, adalah berguna untuk memandu perumusan rangka teoritikal yang akan digunakan di dalam kajian ini.

##### 1.3.1 Definisi-Definisi

Modenisme. Pelbagai pengertian modenisme telah banyak dirumus oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Tiga orang sarjana iaitu Ahmad Hassan, Chehabi dan Mukti Ali merumuskan pengertian modenisme dalam konteks pemikiran

keagamaan. Mengikut Ahmad Hasan, modenisme adalah aliran pemikiran keagamaan yang "menafsirkan doktrin Islam berdasarkan pendekatan rasional bagi menyesuaikannya dengan perkembangan semasa. Dengan demikian, Islam harus mengadaptasi perubahan-perubahan yang berlaku di dunia moden".<sup>11</sup> Hampir serupa dengan rumusan Hassan, Chehabi mengertikannya sebagai aliran pemikiran keagamaan yang "mahukan penafsiran semula doktrin agama" sehingga "tidak bercanggah dengan semangat zaman yang dominan", terutama "apa-apa yang wujud dan berlaku di dalam masyarakat lain yang lebih maju".<sup>12</sup> Mukti Ali nampaknya setuju dengan dua pengertian ini. Tetapi dia lebih menekankan definisi modenisme kepada usaha "purifikasi agama" dan "kebebasan berfikir". Modenisme bagi Mukti Ali ialah "fahaman yang bertujuan untuk memurnikan Islam" dengan usaha "mengajak umat untuk kembali kepada al-Qur'an dan Sunnah" dan "memberikan kebebasan berfikir" sepanjang "tidak bertentangan dengan teks al-Qur'an dan Hadith yang sahih".<sup>13</sup>

Pengertian modenisme sebagai satu fenomena keagamaan dan kebudayaan dirumuskan oleh Fazlur Rahman dan Bassam Tibi. Mengikut Fazlur Rahman, modenisme ialah "usaha [dari tokoh-tokoh Muslim] untuk menegakkan harmoni antara agama dengan impak dari pemodenan dan pembaratan yang berlaku ke atas dunia Islam". Usaha itu dilakukan dengan menafsirkan semula asas-asas doktrin agar ia "sesuai" dengan semangat zaman.<sup>14</sup> Bassam Tibi nampaknya setuju dengan rumusan Fazlur Rahman, tetapi dia lebih menumpukan

perhatiannya kepada bidang yang lebih khusus, iaitu sebagai "akulturasi budaya". Bagi Tibi, kaum modenis adalah kumpulan orang-orang "yang mahukan pengintegrasian sains dan teknologi moden ke dalam Islam, tetapi berusaha mengelakkan pelbagai konsekwensi negatif dari penerapannya". Kaum modenis, mengikut Tibi, menganggap bahawa sekularisme, perasaan teralienasi dan melemahnya nilai-nilai moral dalam masyarakat Barat, adalah ekses negatif dari penerapan sains dan teknologi yang tidak berjaya mereka elakkan. Oleh itu, kaum modenis mahukan satu sintesis antara prinsip-prinsip keruhanian dan moral Islam dengan sains dan teknologi, bagi mengelakkan ekses negatif penerapannya di dalam masyarakat mereka sendiri.<sup>15</sup>

Ada pelbagai ciri yang menandai modenisme Islam yang telah dikenalpasti dalam kajian-kajian terdahulu. Hamilton Gibb menumpukannya kepada ciri "apologetik". Ciri ini ditandai oleh sikap pembelaan terhadap Islam dari pelbagai cabaran yang datang dari kaum kolonial Barat dan misionari Kristian ke atas dunia Islam. Apologia, mengikut Gibb dilakukan dengan usaha untuk menunjukkan "keunggulan" Islam ke atas pencapaian peradaban Barat moden.<sup>16</sup> Wilfred C. Smith bersetuju dengan ciri yang dikemukakan oleh Gibb, tetapi dia menambahkan satu ciri lagi, iaitu "romantisme". Ini dilakukan dengan cara mengagung-agungkan zaman awal dan zaman kegemilangan peradaban Islam di masa lampau. Hujah apologetik lain yang seringnya dikemukakan oleh kaum

modenis, mengikut Smith ialah, hujah bahawa kemunduran Islam, bukanlah disebabkan kesalahan doktrin agama itu, melainkan kesalahan penganut-penganutnya. Punca kesalahan itu ialah, kerana kaum Muslim sendiri telah melupakan agamanya.<sup>17</sup> Tetapi ciri-ciri yang dikemukakan oleh dua sarjana Orientalisme ini dibantah oleh sarjana-sarjana lain seperti Edward Said, Marshall G.S. Hodgson dan Robert N. Bellah. Ini akan dikemukakan nanti di halaman-halaman selepas ini.

Sementara itu, Fazlur Rahman, Deliar Noer dan Mukti Ali lebih menumpukan ciri modenisme kepada "kemestian ijtihad", khususnya ijtihad dalam perkara-perkara "mu'amalah" [kemasyarakatan], dan bantahan mereka kepada sikap "jumud" [kebekuan berfikir] dan "taqlid" [mengikuti sesuatu tanpa sebarang kefahaman].<sup>18</sup> Pengkaji sekarang ini sebelumnya juga telah menjelaskan bahawa kaum modenis "menggalakkan ijtihad" dan membezakan doktrin ke dalam dua bidang, iaitu "ibadah" dan "mu'amalah". Dalam bidang ibadah, semua peraturannya telah diperinci oleh syari'ah, sehingga tidak ada lagi "kreativiti" di bidang ini. Dalam bidang mu'amalah pula, syari'ah hanya memberikan "panduan-panduan umum" disamping menetapkan "hudud" [batas-batas] yang tidak boleh dilampaui. Dalam bidang mu'amalah ini, kaum "modenis berpendapat bahawa "kreativiti" harus digalakkan. Pada amnya kaum modenis berhujah bahawa tanpa ijtihad, doktrin Islam akan kehilangan relevansinya dengan zaman. Ini berlaku kerana doktrin selamanya tidak berubah, sedangkan masyarakat

terus berubah dan berkembang.

Erat hubungannya dengan-pandangan yang dinamis terhadap masyarakat seperti dikatakan di atas, kaum modenis pada amnya juga berpandangan bahawa preseden tradisi awal Islam hanyalah mengikat di dalam prinsip, bukan di dalam perinciannya. Demikian juga dengan ijtihad generasi sahabat Nabi, ia sentiasa boleh dirubah dan diperbaharui. Ini terutama dilakukan jika faktor-faktor yang melatar-belakangi ijtihad itu telah telah berubah. Kerana ijtihad digalakkan, kaum modenis sentiasa bersikap terbuka untuk menafsirkan semula dokrin. Ini dilakukan, baik dengan cara akulturasi dengan peradaban lain, mahu pun dengan cara mengadaptasi perubahan-perubahan persekitaran yang berlaku.<sup>19</sup>

Pencirian modenisme kepada "pandangannya yang positif dan optimis kepada kemajmukan" diberikan oleh Nurcholish Madjid. Mengikut sarjana ini, kaum modenis melihat Islam adalah "jalan tengah" dari kecenderungan-kecenderungan melampau yang didapati di dalam agama-agama dan fahaman-fahaman lain. Al-Qur'an sendiri, mengikut tafsiran kaum modenis, telah menegaskan bahawa "kaum Muslimin" adalah "ummatan wasatan" [umat pertengahan] dan "khairu ummah" [umat terbaik] yang ditonjolkan oleh Tuhan kepada umat-umat yang lain. Berasaskan kepada pandangan "jalan tengah" dan "umat terbaik" itulah, "modenisme" memandang doktrin, khasnya di bidang mu'amalah, bersifat terbuka. Kaum modenis pada amnya juga berpegang kepada

salah satu hadith Nabi yang mengibaratkan "hikmah" [kebijaksanaan] sebagai "harta kekayaan orang beriman yang hilang". Mengikut hadith itu, di mana pun kaum Muslim menemukan hikmah itu, mereka berhak untuk memungutnya. Idea tentang hikmah yang seperti itu mendorong kaum modenis untuk sentiasa bersikap terbuka dalam mengadaptasi pelbagai penemuan, sistem, kaedah atau apa sahaja dari khazanah peradaban lain. Ini terutama dilakukan sepanjang mereka merasa bahawa perkara-perkara itu membawa munafa'at bagi kehidupan keduniaan mereka.<sup>20</sup>

Di samping beberapa ciri yang telah dikemukakan oleh sarjana-sarjana di atas, Leonard Binder, dan Ahmad Hasan, menambahkan satu lagi ciri modenisme, iaitu penafsirannya terhadap konsep "ijmak" [konsensus]. Ijmak adalah salah satu sumber pembinaan hukum Islam di samping al-Qur'an, al-Hadith, "qias" [analogi], dan "masalih al-mursalah" [kepentingan umum]. Secara tradisional, ijmak pada amnya difahamkan sebagai konsensus para sahabat Nabi dan konsensus para "fugaha" [ulama fiqah] secara "mutaffaq 'alaih" [sebulat suara] dalam menetapkan status hukum dari suatu perkara yang tidak jelas ketentuannya di dalam teks-teks syari'ah. Kaum modenis, mengikut kedua sarjana ini, menafsirkan ijmak sebagai "konsensus majoriti kaum Muslimin" -- atau wakil-wakil mereka -- pada satu tempat dan zaman yang tertentu dalam menerapkan asas-asas doktrin di bidang mu'malah. Ijmak demikian menjadi keputusan yang mengikat dan boleh memansuhkan ijmak-ijmak sebelumnya, berasaskan kepada prinsip

kebaikan [istihsan] dan kepentingan umum. Binder menyebut konsep ijmak demikian sebagai "ijmak modenisme". Tokoh-tokoh modenis Muslim tertentu, seperti Mohammad Iqbal dan Ali Jinnah, menyebutnya sebagai konsep "demokrasi Islam".<sup>21</sup>

Fundamentalisme. Beberapa pengertian dan ciri-ciri fundamentalisme telah didapati di dalam kajian-kajian sebelum ini. Musa Keilani mengertikan fundamentalisme sebagai gerakan sosial dan keagamaan yang mengajak umat Islam kembali kepada "prinsip-prinsip Islam yang fundamental, kembali kepada kemurnian etika dengan cara mengintegrasikannya secara positif [dengan doktrin agama], kembali kepada keseimbangan hubungan antara manusia dengan Tuhan, manusia dengan masyarakat, dan manusia dengan keperibadiannya sendiri".<sup>22</sup> Pengertian dengan memberikan tumpuan kepada "kembali kepada prinsip-prinsip fundamental" seperti ini, dikemukakan juga oleh beberapa sarjana di bawah ini.

Jan Hjarpe misalnya, mengertikan fundamentalisme sebagai "keyakinan kepada al-Qur'an dan Sunnah sebagai dua sumber autoritatif yang mengandungi norma-norma politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan, untuk menciptakan masyarakat yang baru".<sup>23</sup> Pengertian yang hampir serupa dengan ini, tetapi menambahkan unsur "romantik kepada zaman lampaui" dikemukakan oleh Leonard Binder. Mengikut Binder, sebagai "aliran keagamaan", fundamentalisme adalah aliran "yang bercorak romantik

kepada zaman awal Islam". Mereka berkeyakinan bahawa doktrin Islam adalah "lengkap, sempurna dan serba merangkumi". Hukum-hukum Tuhan pula diyakini "mengatur seluruh alam semesta" tanpa ada perkara-perkara yang diluputkannya.<sup>24</sup>

Pengertian fundamentalisme dengan menekankan unsur "rigit" [kaku] dan "literalis" [harfiah] dikemukakan oleh Allan Taylor, Patrick Bannerman, Daniel Pipes, Bassam Tibi dan Bruce Lawrence. Kaum fundamentalis mengikut Taylor adalah "kumpulan yang melakukan pendekatan konservatif dalam melakukan reformasi keagamaan, bercorak literalis, dan menekankan kepada pemurnian doktrin".<sup>25</sup> Bagi Bannerman, kaum fundamentalis adalah "kumpulan ortodoks yang bercorak rigit dan taasub" yang bercita-cita untuk "menegakkan semula konsep-konsep keagamaan dari kurun ke tujuh Masihi, iaitu doktrin Islam dari zaman klasik".<sup>26</sup>

Corak fundamentalisme sebagai aliran keagamaan yang bersikap rigit dikemukakan juga dalam pengertian yang dibuat oleh Daniel Pipes. Mengikut sarjana ini, kaum fundamentalis adalah "kumpulan yang berkeyakinan bahawa syari'ah adalah peraturan-peraturan yang sah dan berkekalan bagi semua zaman" tanpa perlu menafsirkannya semula "mengikut perubahan zaman". Sebab itu, Pipes menyebut kaum fundamentalis sebagai "kaum legalis yang melampau". Bassam Tibi, bahkan mengertikan fundamentalisme secara lebih melampau, iaitu "aliran

keagamaan yang menolak segala perkara yang baru" selain daripada apa yang telah dikemukakan oleh doktrin.<sup>27</sup> Tetapi Bruce Lawrence, selain menekankan corak rigit kaum fundamentalis, lebih menekankan definisi fundamentalisme kepada "affirmasi autoriti keagamaan sebagai holistik dan mutlak, tanpa sebarang penghargaan kepada baik kepada kritisisme mahu pun pemikiran reduktif". Sarjana ini juga mengambil berat ekspressi sosiologis fundamentalisme ke dalam satu "tuntutan kolektif", iaitu tuntutan agar keyakinan dan nilai-nilai etika yang diajarkan oleh agama mesti diterima oleh masyarakat dan secara legal wajib dikuatkuasakan.<sup>28</sup>

Selain memberikan pengertian tertentu kepada istilah fundamentalisme seperti dikemukakan diatas, beberapa kajian terdahulu telah pula mengenal-pastikan ciri-ciri fundamentalisme. Leonard Binder mencirikan fundamentalisme kepada pandangannya yang khas mengenai kedudukan ijtihad. Mengikut sarjana ini, kaum fundamentalis hanya membenarkan ijtihad dilakukan sepanjang syari'ah tidak memberikan perincian yang lebih mendalam terhadap perkara-perkara tertentu. Selain daripada itu, tidak ada pula preseden dari tradisi awal Islam, atau pun pendapat para fuqaha terkemuka dari zaman yang silam terhadap perkara-perkara itu. Jika ijtihad dilakukan, ia hanya boleh dijalankan oleh para "mujtahid", iaitu alim ulama yang telah memenuhi syarat-syarat tertentu untuk melakukan ijtihad. Ijmak [konsensus] pula, meski pun diakui sebagai salah satu

sumber pembinaan hukum Islam, penguatkuasaannya dihadkan kepada ijmak dari zaman para sahabat Nabi. Ijmak dari zaman ini tidak boleh dimansuhkan oleh ijmak-ijmak yang dibuat oleh generasi-generasi yang hidup di zaman kemudian.<sup>29</sup>

Di samping ciri-ciri yang telah dikemukakan oleh Binder di atas, Fazlur Rahman menambah beberapa ciri lain kepada fundamentalisme, iaitu "elan vital" [semangat yang melahirkannya] adalah semangat anti Barat. Kaum fundamentalis, mengikut Rahman, suka kepada slogan-slogan yang bercorak distinktif. Tetapi hakikatnya mereka adalah kumpulan "anti intelektual". Pemikiran fundamentalisme, tambah Rahman, tidaklah berakar kepada al-Qur'an dan budaya intelektual tradisional Islam. Semangat anti Barat yang diperlihatkan oleh kaum fundamentalis dinampakkan pula dalam sikapnya yang mengutuk modenisme kerana corak adaptasi dan akulturasikan aliran itu dengan budaya intelektual Barat.<sup>30</sup>

Ciri "anti intelektual" seperti dirumuskan oleh Fazlur Rahman di atas, diakui juga oleh Fouad Ajami. Kerana bersikap demikian, maka mengikut sarjana ini, kaum fundamentalis memandang persoalan-persoalan masyarakat secara "simplistik". Fouad Ajami menambah satu ciri lagi kepada fundamentalisme, iaitu kecenderungannya untuk "menafikan kepelbagaiannya". Bagi kaum fundamentalis, di dunia ini hanya ada dua jenis masyarakat, iaitu apa yang disebut oleh Sayyid Qutb, sebagai "al-nizam al-

"Islami" [susunan sosial Islamiyah] dan "al-nizam al-Jahili" [susunan sosial Jahiliyah]. Antara kedua-dua jenis masyarakat itu tidak mungkin ada titik-temu. Kerana, yang satu adalah "haqq" [benar] dan bersifat "ilahiyah" [ketuhanan], sedang yang lain adalah "batil" [sesat] dan bersifat "taghut" [berhala]. Konsekwensi dari pandangan ini ialah, kaum fundamentalis cenderung untuk menolak kewujudan "bangsa-bangsa" berasaskan kepada perbezaan geografis, bahasa, warna kulit dan budaya, dan juga taraf kerakyatan kepada negara-negara tertentu. Kaum fundamentalis cenderung menggolongkan manusia berasaskan agama atau kepercayaan-kepercayaan yang dianutinya.<sup>31</sup>

Ciri fundamentalisme sebagai satu aliran yang lebih mementingkan "slogan-slogan revolusioner" berbanding dengan membentangkan gagasan secara terperinci, dikemukakan semula oleh Hrair Dekmejian. "Jihad" dan "menegakkan hukum Allah" adalah antara slogan utama kaum fundamentalis. Selain daripada ciri ini, mengikut Dekmejian, kaum fundamentalis cenderung untuk membakar emosi dengan slogan-slogan "mempertahankan" dan "syahid" demi membela Islam, berbanding dengan menggunakan cara-cara pemikiran yang "rasional" dan "intelektual". Ringkasnya, mengikut sarjana ini, kaum fundamentalis lebih cenderung bersikap doktriner dalam memandang perkara yang dihadapi, berbanding dengan memikirkan segi-segi praktikal yang dijangkakan boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi di dalam masyarakatnya.<sup>32</sup>

### *1.3.2 Asal-usul Aliran*

Modenisme. Kajian mengenai asal-usul modenisme di dunia Islam pada awalnya menarik minat kajian Orientalisme. Tokoh-tokoh besar Orientalis seperti H.A.R. Gibb, Wilfred C. Smith, Charles C. Adams, Gustave E. von Grunebaum dan Ignaz Goldziher, pada amnya berpandangan bahawa modenisme muncul sebagai "reaksi" dan "apologia" kepada pemodenan dan pembaratan yang berlaku ke atas masyarakat-masyarakat Muslim, terutama melalui kolonialisme dan imperialisme.<sup>33</sup>

Tetapi dari perspektif sarjana-sarjana di atas, pandangan demikian tidaklah sepenuhnya meyakinkan. Penganjur-penganjur modenisme yang memelopori "pemodenan" Islam itu sendiri, seperti Sayyid Jamal al-Din al-Afghani, Syaikh Muhammad Abduh dan Sayyid Ahmad Khan adalah tokoh-tokoh Muslim yang pernah menimba ilmu pengetahuan, baik secara langsung atau tidak langsung, dari sumber-sumber Barat. Pemahaman tokoh-tokoh ini terhadap falsafah, teori politik, sains dan teknologi Barat, menyedarkan mereka terhadap "kemunduran" masyarakat-masyarakat Muslim pada amnya berbanding dengan masyarakat Barat. Memang, sejak penghujung kurun ke 19, sebahagian besar kawasan masyarakat-masyarakat Muslim telah jatuh ke bawah kolonialisme dan imperialisme Barat. Salah satu faktor yang dipercayai mempengaruhi kekalahan itu ialah, kerana bangsa-bangsa Barat menggunakan sains, teknik dan sistem organisasi yang lebih baik berbanding dengan apa-apa yang dimiliki masyarakat-masyarakat

Muslim. Kerana itu, pelopor-pelopor modenisme berusaha untuk memodenkan masyarakat-masyarakat mereka melalui pelbagai usaha. Antaranya, mereka mengusahakan pembaharuan pemahaman terhadap doktrin Islam, pembaharuan sosial dan pendidikan, serta perjuangan politik untuk membebaskan diri dari kuasa-kuasa penjajah.<sup>34</sup>

Pengaruh pandangan Orientalisme bahawa asal-usul modenisme adalah "reaksi" dan "apologia" kepada pemodenan dan pembaratan itu nampak jelas dalam pelbagai kajian ilmiah yang dibuat oleh beberapa sarjana sains sosial dan kemanusiaan di masa belakangan. Ini termasuklah sarjana-sarjana seperti Hani Srour, Leonard Binder, Nikki R. Keddie, John Esposito, Edward Mortimer dan Harun Nasution.<sup>35</sup> Hani Srour misalnya, menganalisis asal-usul modenisme Islam dengan menggunakan rangka teori kebudayaan dari Arnold Toynbee, iaitu konsep "zealot" dan "herodian". "Zealot" adalah suatu pendirian yang bertitik tolak dari keyakinan bahawa cara terbaik untuk menghadapi tentangan dari luar, ialah memperkuatkan semula apa-apa yang sedia dimiliki untuk melawan tentangan itu. "Herodian" adalah sebaliknya. Cara terbaik untuk melawan tentangan yang datang dari luar, ialah mengetahui dan menguasai rahsia kekuatan pihak yang menentang itu dan menggunakaninya untuk melawan mereka.<sup>36</sup> Srour menafsirkan asal-usul modenisme sebagai gabungan dari reaksi "zealot" dan "herodian" itu. Islam mesti diperkuuhkan untuk melawan Barat. Tetapi "mengalahkan Barat" dilakukan dengan cara menggunakan rahsia kekuatan